

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KURSUS ANTI DADAH PERGERAKAN WANITA UMNO
WILAYAH PERSEKUTUAN
Lokasi : KOMPLEKS BELIA BANDARAYA CHERAS, KUALA LUMPUR
Tarikh : 05-06-1983

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia merangkap Menteri Kebajikan Am;

Yang Berhormat Menteri-menteri;

Ahli-ahli Yang Berhormat;

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izinNya saya telah dapat bersama-sama dengan puan-puan dan tuan-tuan sekalian, untuk memberikan sepatah-dua kata dalam majlis pelancaran Kempen Anti Dadah anjuran Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Peringkat Kebangsaan.

2. Saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang mempunyai pandangan yang begitu serius terhadap masalah dadah di negara ini, dan dengan itu telah mengatur berbagai rancangan untuk menyertai Kempen Anti Dadah yang telah dilancarkan oleh Kerajaan dalam bulan Februari, 1983 yang lalu. Sejak itu berbagai pertubuhan telah beramai-ramai mengambil bahagian meneruskan Kempen Anti Dadah dengan berbagai cara mengikut kebolehan masing-masing. Saya difahamkan bahawa Pergerakan Wanita UMNO Malaysia menganjurkan Kempen Anti Dadah ini di seluruh negara, dan beberapa buah negeri iaitu Kelantan, Perak, Negeri Sembilan dan Perlis, telahpun mengadakan Kempen seperti ini. Adalah menjadi harapan saya agar pertubuhan-pertubuhan lain juga dapat mengikut jejak yang telah dibuat oleh Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan juga PEMADAM dalam usaha membantu Kerajaan membasmi penyalahgunaan dadah.

3. Seperti yang puan-puan dan tuan-tuan sedia maklum, masalah dadah ini telah beralih daripada merupakan satu masalah sosial kepada satu masalah terbesar negara. Bahkan ianya telah sampai ke tahap sebagai musuh negara yang perlu dibasmikan seberapa segera.

4. Yang penting ditegaskan ialah bahawa musuh negara ini menyerang sesiapa juga yang tidak berwaspada. Ianya tidak mengenal bangsa atau keturunan, status hidup ataupun lingkungan umur. Dan yang menyedihkan ialah wabak dadah telah meresap berleluasa di kalangan anak-anak muda.

5. Mengikut kajian Pusat Penyelidikan Kebangsaan Universiti Sains Malaysia, sehingga akhir bulan April, 1983 seramai 83,139 orang penagih telah didaftarkan, iaitu hanya satu bahagian kecil dari penagih-penagih. Ini bermakna bilangan penagih sebenarnya adalah jauh lebih tinggi dari angka tersebut. Jika kita gandakan angka itu 5 kali, ia akan menjadikan kepada lebih 400,000 orang. Ini merupakan angka yang menakutkan kita semua.

6. Sebagaimana yang kita tahu bahawa selama ini Kerajaan kita memang mengambil berat tentang masalah pemulihan penagih-penagih dadah. Sehingga ke akhir bulan April, 1983, seramai 8,032 orang penagih sedang menjalani pemulihan di beberapa pusat pemulihan dadah iaitu di Johor Bahru, Besut, Bukit Mertajam dan Pusat Serenti, Tampin. Dalam pada itu, pihak Kerajaan juga sedang meneruskan usaha-usaha seliaan terhadap penagih-penagih yang telah keluar dari pusat pemulihan tersebut. Sehingga sekarang seramai 10,059 orang bekas penagih sedang menjalani rawatan seliaan.

7. Jika dilihat dari segi perangkaan jumlah penagih yang ada di dalam negara kita ini, sudah tentu kita tidak dapat menampung kesemua mereka untuk menjalani pemulihan sekali gus. Oleh hal yang demikian adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk membantu Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

8. Walaupun kita tahu bahawa masalah penagihan dadah ini merupakan masalah negara, ini tidak bermakna bahawa setiap individu tidak mempunyai peranan dalam mengatasi masalah ini. Pada hakikatnya masalah penagihan dadah adalah berpunca daripada masalah individu, yang membawa kepada masalah keluarga, dan seterusnya oleh kerana terlalu banyak keluarga yang terlibat, maka ia telah menjadi masalah nasional. Sekiranya setiap individu dan setiap keluarga tidak mahu memberikan kerjasama yang erat terhadap usaha-usaha Kerajaan, maka keadaan seperti ini akan berlanjutan.

9. Malaysia adalah sebuah negara yang mana lebih daripada 60 peratus penduduknya terdiri daripada golongan muda, dan apabila wabak dadah menyerang golongan ini, maka ia mempunyai kesan-kesan buruk kepada masyarakat terutama generasi yang akan datang. Anak-anak muda ini apabila telah diserang dadah tidak akan lagi berupaya untuk menjadi warganegara yang berguna dan mereka akan hilang keupayaan dalam semua aspek. Bahkan keutuhan masyarakat dan negara yang terletak dalam tangan mereka juga akan terganggu.

10. Masalah dadah ini boleh dilihat daripada tiga aspek. Pertama ialah mengenai ancaman dadah dan mengetahui tanggungjawab masing-masing membasminya. Kedua ialah usaha rawatan yang perlu diberi kepada sesiapa juga yang telah menjadi penagih dadah. Penagihan dadah adalah sebenarnya satu penyakit dan usaha rawatan ini perlu diberi. Ketiga ialah pencegahan dan pembasmian pengedaran dadah itu sendiri, sama ada di peringkat antarabangsa ataupun di dalam negeri. Ini termasuklah usaha-usaha pihak polis atau kastam dan lain-lain jabatan penguatkuasa Kerajaan, dan juga melibatkan kuatkuasa undang-undang tertentu.

11. Bagi pihak Kerajaan usaha membasmi dadah ini sudah pasti merupakan satu tanggungjawab dan beban yang berat. Segala usaha sedang dan akan dilaksanakan untuk memastikan wabak dadah ini dapat dikawal dan akhirnya dibasmikan daripada masyarakat dan negara ini. Tindakan serius sedang

diberi terhadap menggerak seluruh jentera Kerajaan untuk mengesan penagih dadah dan langkah membenteras apa juga keadaan penagihan dadah. Begitu juga Kerajaan telah melibatkan semua badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang ada di negara ini untuk menjadi jentera bertindak membasmi dadah. Saya difahamkan bahawa Pergerakan Wanita UMNO Malaysia telah diarah untuk menubuhkan Jawatankuasa Bertindak di seluruh negara bagi mencapai matlamat pembasmian penyalahgunaan dadah.

12. Ibu-bapa mempunyai peranan utama dalam usaha membasmi wabak dadah, terutama sekali ibu-ibu yang merupakan tunggak keluarga. Ibu-ibu harus memastikan supaya sentiasa wujud keadaan harmoni di dalam keluarga masing-masing dan berusaha merapatkan diri dengan anak-anak. Usaha-usaha merapatkan diri dengan anak-anak tidaklah bererti memberi apa juga yang dikehendaki oleh anak-anak itu, atau menurut segala kehendak mereka. Merapatkan diri dengan mereka bererti merapati jiwa mereka dan cuba menyelesaikan masalah emosi dan peribadi, terutama di kalangan anak-anak yang berumur belasan tahun.

13. Ibu bapa jangan sekali-kali cuai dalam hal ini kerana ini akan menyebabkan anak-anak mereka mencari penyelesaian kepada masalah mereka di luar rumah tangga. Apabila ini berlaku anak-anak itu akan lebih mudah mencari penyelesaian itu melalui dadah. Sebenarnya kita, sebagai ibu-bapa, berupaya dan berkuasa menentukan sama ada anak-anak kita akan terhindar atau tidak daripada penyakit dadah.

14. Saya inginlah menggesa supaya ibu-bapa sekalian mengambil peranan secara langsung, atau tidak langsung, dalam memerangi wabak dadah ini. Ibu bapa hendaklah berusaha menyertai pertubuhan-pertubuhan seperti PEMADAM. Juga melalui persatuan-persatuan ibu-bapa dan guru, atau PIBG, dan juga melalui lain-lain organisasi sukarela, ibu- bapa dapat menjalankan peranan mereka memerangi dadah ini. Di dalam badan-badan ini, jawatankuasa-jawatankuasa bertindak dapat diwujudkan bagi membantu ibu-bapa, bukan sahaja mengenal ancaman dadah, tetapi juga bertindak membantu mereka yang anak-anaknya telahpun menjadi penagih. Juga dapat dihidupkan unit-unit penasihat di kalangan ibu- bapa ini untuk membolehkan usaha-usaha rawatan diberi kepada anak-anak yang terlibat dengan dadah. Usaha-usaha ini tidaklah boleh dijalankan hanya sekali-sekala, tetapi hendaklah dijadikan sebagai usaha berterusan.

15. Saya yakin bahawa satu cara yang paling baik dan berkesan bagi mencegah anak-anak kita menghisap dadah ialah melarang mereka dari menghisap rokok. Salah satu punca menghisap dadah ialah pada mulanya anak-anak kita menghisap rokok secara cubaan sahaja atau ingin meninggikan taraf sosial di kalangan rakan-rakan mereka yang akhirnya, sedikit demi sedikit, diperkenalkan juga oleh rakan-rakannya itu kepada dadah. Ibu-bapa perlu sedar akibat buruk merokok dari segi kesihatan. Justeru itu ibu-bapa seharusnya menghindari diri dari merokok di hadapan anak-anak supaya menjadi teladan kepada mereka bahawa merokok tidak digalakkan.

16. Seperti yang kita sedia maklum, tidak semua penagih dadah dapat dirawat kerana tidak semuanya dapat dikesan dan tidak semuanya juga tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan. Walaupun begitu, mereka yang telah menerima rawatan tidak semuanya dapat diterima kembali ke pangkuan masyarakat. Masih ramai majikan yang enggan menerima bekas-bekas penagih dadah. Saya berharap akan ada perubahan sikap di kalangan majikan-majikan dan mereka hendaklah berusaha membantu bekas-bekas penagih dadah yang telah dirawat ini memulakan hidup baru. Jika mereka-mereka ini tidak diterima semula ke pangkuan masyarakat, mereka akan putus asa dan sudah pasti mereka akan kembali

ke pangkuan dadah.

17. Akhirnya, suka saya merayu kepada seluruh anggota masyarakat dalam negara ini supaya sentiasa mengambil ingatan bahawa masalah dadah ini bukan masalah orang lain, tetapi adalah satu masalah yang berkemungkinan akan melibatkan diri atau keluarga kita sendiri. Salah satu usaha yang perlu kita beri perhatian ialah tentang pengawasan terhadap anak-anak kita. Sebagai ibu-bapa kita perlu memahami masalah yang dihadapi oleh anak-anak kita di semua peringkat umur. Dan kita juga perlu memberi pertimbangan dan perhatian terhadap pandangan dan masalah anak-anak kita sebagai pandangan dan masalah bersama.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Kempen Anti Dadah Anjuran Pergerakan Wanita UMNO Malaysia Peringkat Kebangsaan dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.